

# GAGASAN MELAYU SERUMPUN

SIRI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Penyelenggara  
**Abdul Latiff Abu Bakar**

09598  
AG

KEMENTERIAN  
PENERANGAN  
KOMUNIKASI  
& KEBUDAYAAN



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اوپنيسی کونديکون سلطان ادریس  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



---


# GAGASAN MELAYU SERUMPUN

---

SIRI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# GAGASAN MELAYU SERUMPUN

SIRI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Penyelenggara  
**Abdul Latiff Abu Bakar**



PUSTAKA PERDANA




1011016



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

UNIVERSITY OF SULTAN IDRIS  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Cetakan Pertama / First Printing, 2012  
© Universiti Pendidikan Sultan Idris

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM 2012

**Sidang Pengarang**

Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar (Penyelenggara)  
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Hasan (Penilai Dalam)  
Tuan Hj Hamzah Hamdani (Penyunting Luar)  
Cik Asiah Abd Rahman (Penyunting Dalam)  
Cik Nazeema Mohd Yusof (Pengurusan)

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Institute Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: 05-458 4142, Fax: 05-459 5314  
Laman Web / Website: [www.upsi.edu.my](http://www.upsi.edu.my)  
Emel: [ipm@upsi.edu.my](mailto:ipm@upsi.edu.my)

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by  
REKA CETAK SDN. BHD  
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,  
Selangor D.E., Malaysia

305.8009598  
GAG

# KANDUNGAN

---

## **Pengenalan ...vii**

Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar

## **Kata Pengantar – Islam dan Budaya Penjana Peradaban Melayu di Rumpun Melayu ...ix**

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim

## **Data Arkeologi Tentang Evolusi Bangsa dan Peradaban Melayu ... 1**

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman

## **Migrasi dan Kecemerlangan Peradaban di Rumpun Melayu Masa Silam...21**

Wan Hashim Wan Teh

## **Susur Galur Bangsa Melayu di Dunia ...49**

Wan Salleh Wan Ibrahim

## **Melayu Diaspora di Sri Langka, Afrika Selatan, Australia dan Arab Saudi ...77**

Wan Hashim Wan Teh

## **Dunia Melayu dalam Dunia Global ...93**

Mohd Yusof Hasan

## **Melayu Campa ... 119**

Mohamad Zain Musa

## **Gagasan Melayu Serumpun dalam Konteks Geo Budaya ... 157**

Abdul Latiff Abu Bakar

## **Gagasan Melayu Raya di Alam Melayu ... 169**

Roslan Saadon

## **Kekuatan Jati Diri Melayu Serumpun Melalui Seni Budaya ...219**

Mahdi Bahar

## **Dinamika Islam dan Peradaban Melayu ...253**

Idris Zakaria

## **Pantun Berkait dalam Peradaban Melayu ...289**

Harun Mat Piah

## **Beberapa Isu Peradaban Malaysia Masa Kini ...319**

A. Aziz Deraman



# PENGENALAN

---

Konsep dan pengertian Melayu sebagai satu kelompok manusia yang terdapat di dunia ini mendapat tafsiran dan analisis yang berbeza-beza. Buku ini berjaya menghimpunkan tiga belas orang sarjana dan penyelidik dari rantau Rumpun Melayu untuk membuat penjelasan dan tafsiran tentang Melayu yang berada di sekitar Rumpun Melayu dan di luar Rumpun Melayu yang kita kenali sebagai Dunia Melayu. Melayu sebagai satu rumpun bangsa yang besar mempunyai warisan peradaban yang dikenali sebagai peradaban Melayu yang terdiri pelbagai suku atau etnik. Bahasa Melayu menjadi pengantar utama manakala Islam menjadi unsur penting dan warisan budaya pelbagai etnik tetap diamalkan.

Sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal warisan dan peradaban Malaysia, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan diberi penghormatan memberi kata pengantar dalam buku ini, berdasarkan Ucaptama dalam Seminar Kebudayaan di Sawahlunto, Sumatera Barat, pada 5 Julai 2012.

Buku ini dimulakan dengan bukti data arkeologi tentang bangsa dan peradaban Melayu yang ditulis oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan diikuti tentang Teori Migrasi dan Kecemerlangan Peradaban Melayu dan Melayu Diaspora di Sri Lanka, Afrika Selatan, Australia dan Arab Saudi yang ditulis oleh Prof. Dato' Dr Wan Hashim Wan Teh. Prof. Madya Dr. Wan Salleh Wan Ibrahim pula menulis tentang Susur Galur Bangsa Melayu di Dunia. Penafsiran Melayu dari segi geo-budaya di Rumpun Melayu pula dijelaskan oleh Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar dan Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Hasan melihat kelompok Melayu yang berada dalam dunia global, manakala Prof. Madya Dr. Mohamad Zain Musa pula menerangkan tentang Melayu Campa sebagai salah satu kelompok Melayu di Rumpun Melayu.

Gagasan Melayu yang dilihat dari segi Geo-Budaya bertukar pula kepada aspek geo-politik yang diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin dan penulis bagi mengwujudkan satu Rumpun Melayu yang lebih besar dalam kesatuan politik yang dikenali sebagai Melayu Raya yang ditulis oleh Dr. Roslan Saadon. Namun gagasan Melayu Serumpun tetap mempertahankan warisan peradaban Melayu di mana Islam dan budaya Melayu menjadi tunjang yang dijelaskan oleh Prof. Dr. Idris Zakaria. Ini diutarakan pula oleh Prof. Dr. Mahdi Bahar tentang kekuatan jati diri Melayu Serumpun melalui seni-budaya yang berteraskan kepada agama Islam. Pantun berkait pula, adalah salah satu contoh warisan budaya Melayu yang masih unggul di Rumpun Melayu seperti yang dijelaskan oleh Dr. Harun Mat Piah dan Dato' A. Aziz Deraman pula mengemukakan beberapa isu dan cabaran Peradaban Malaysia masa kini.

Buku ini sesuai dibaca oleh penuntut dan sarjana serta pewaris bangsa Melayu yang ingin mengenali dan mengetahui asal usul bangsa dan peradaban Melayu di dunia ini yang dihasilkan oleh sarjana dan penyelidik dari Rumpun Melayu, khusus Dunia Melayu.

Akhir sekali saya bagi pihak Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Seri Dr. Utama Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang menjadi penaja utama dalam usaha menerbitkan buku ini. Juga kepada penulis makalah, tenaga kerja dan pengurusan UPSI yang menjayakan penerbitan buku ini. Sekian, terima kasih.

**Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar**

Penyelenggara dan Pengarah Institut Peradaban Melayu  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

# KATA PENGHANTAR

---

## Islam dan Budaya Penjana Peradaban Melayu di Rumpun Melayu<sup>1</sup>

*Banyak bilah di tepi kota  
Jadikan pagar di tepi kolam  
Awal Bismillah pemula kata  
Bertanya khabar dengan salam*

Salam awalan buat *dunsanak*<sup>2</sup> dan sidang hadirin. Terima kasih kepada panatia, khususnya YTH Walikota Sawahlunto, Bapak Amran Nur, yang secara kebetulan kesihatan beliau dalam keadaan yang memerlukan kita mendoakan agar sembuh segera. Lantaran atas undangan beliau maka kita berada di dewan seminar ini Walaupun beliau tiada bersama kita lantaran menjalani rawatan kesihatan, tampaknya urusan seminar budaya kita petang hari ini berjalan terus dengan sempurna.

Terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada pembesar-pembesar Nagari<sup>3</sup>, tempatan dan pencinta-pencinta budaya yang dihormati: YTH Wakil Gubener Sumbar, Haji Muslim, YB Datuk Wira Othman Muhammad, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, wakil Kementerian Kebudayaan Indonesia, Pemimpin GAPENA Malaysia dan hadirin yang mulia sekalian.

---

<sup>1</sup> Ucaptama di Seminar bertajuk yang sama di Sawahlunto, Sumatera Barat pada 5 Julai 2012

<sup>2</sup> Dunsanak atau dusanak – saudara mara dalam bahasa Minangkabau. Semacam *adik-kakak* di Kelantan.

<sup>3</sup> Nagari – istilah yang hampir sama makna dengan *negeri*, cuma perbezaannya kadangkala terjurus kepada pengertian ‘negeri kita’ bagi orang Minang di rantau.

Alhamdulillah hajat tercapai cita-cita berlaku. Dengan tercapainya cita-cita mengadakan seminar ini, berlangsunglah satu lagi himpunan warga keagamaan dan seni budaya bagi kita yang di bawah langit Nusantara ini walaupun istilah nusantara dan bangsa serumpun itu sudah tidak begitu lumrah diperkatakan lagi di akhir-akhir ini.

Bagi saya khasnya, berkunjung ke Sawahlunto bersama isteri dan rakan-rakan dari Kuala Lumpur merupakan satu natijah pencapaian yang rasanya boleh dicerminkan dengan rangkap lama:

*Jarang jarang tugakan jagueng  
Biar nak sanang puyueh balari  
Kadang-kadang dijalang kampueng  
Baitulah sayangnyo kanagari*

Sebagai seorang yang ibu bapanya berasal dari Palupueh dan Sipisang dekat Bukit Tinggi, kedatangan kami tentunya membuktikan perasaan kekitaan dan kesekampungan. Di saat-saat mencabar ini, khasnya manakala pihak-pihak tertentu cuba memperkecil usaha-usaha kenusantaraaan agama dan budaya, kita seakan-akan terasa benar betapa pentingnya seminar seperti ini. Tentunya hajat kolektif kita yang utama ialah apakah yang boleh kita lakukan selepas selesainya perbincangan kita di sini. Dikatakan begitu kerana lumrah seminar dan hasilnya sering diperkatakan orang. Habis seminar habis perkara. Diharapkan semoga seminar kita di Sawahlunto ini tidak tergolong kepada nasib sedemikian.

## **Yirmi dan Iswami**

Syukur, semenjak seminar budaya serumpun anjuran Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia Indonesia (ISWAMI) September tahun lalu di Bukit Tinggi, kita telah banyak mencapai kejayaan dalam konteks hubungan rakyat dengan rakyat. Kita telah berpeluang mengundang sekian ramai wartawan dari Indonesia, termasuk dari Padang, ke beberapa acara persahabatan di Kuala Lumpur. Saya sendiri telah ke Jakarta beberapa kali, khasnya pada bulan Februari tahun ini bersama mengambil bahagian mengeratkan silaturrahim dan hubungan sesama rakyat. Satu rangka kerjasama erat diantara Universiti Indonesia dengan ISWAMI telah terjalin. Sudut Malaysiana yang diwujudkan berupaya melengkapkan buku dan

pelbagai penerbitan darihal Malaysia untuk rujukan siswa dan penyelidik di institusi penting itu. Dan bulan lalu kita telah menjalinkan hubungan masyarakat dengan masyarakat melalui usahasama pengeluaran filem di Jakarta. Terkini sebuah entiti bernama YIRMI atau Yayasan Ikatan Rakyat Malaysia Indonesi baharu sahaja ditubuhkan secara rasmi bagi menggiatkan hubungan di antara kedua-dua rakyat melalui penerangan, seni budaya, pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain bidang yang mampu meningkatkan hubungan kemasyarakatan kita. YIRMI yang nanti akan memayungi individu-individu dan beberapa BBK/NGO akan bekerja keras dalam bidang-bidang yang ditetapkan demi hubungan mesra dan intim rakyat Malaysia dan rakyat Indonesia.

Rakyat kedua-dua pihak harus diasuh peringkat demi peringkat dan diperkenalkan fakta, proses peradaban dan realiti berjiran dan berseketurunan di kawasan yang subur. Salah satu cara yang mudah menjelmakan kehendak hubungan rakyat dengan rakyat yang objektif ini ialah melalui pemahaman sejarah dan evolusi budaya – dua fenomena kemanusiaan yang sering dilupakan. Mesti ada usaha-usaha pertengahan yang menceritakan sambil meyakinkan generasi baharu akan apa yang dibuktikan atau ditinggalkan sejarah. Lupa sejarah atau lupa evolusi kehidupan kita akan membawa kepada keadaan serba-serbi kehilangan. Kita jangan hendaknya semacam masyarakat di Timur Tengah, yang walaupun dikenal dunia, tetapi tidak bersatu daripada sudut ikatan agama-budaya.

## **Isu-Isu Berkaitan Rakyat**

Dalam pada itu memang disadari, ada bermacam isu yang ditimbulkan daripada golongan-golongan tertentu khususnya yang didatangkan dari sudut budaya dan kemasyarakatan. Daripada isu amah membawa kepada nelayan, daripada jenayah hingga ke tuduh-menuduh tentang 'curi' seni budaya dan warisan. Sementara isu-isu yang berkaitan dengan perundangan, sama ada domestik atau antarabangsa, sentiasa diatasi melalui hubungan Kerajaan dengan Kerajaan dalam hubungan K-K (Kerajaan dengan Kerajaan), sebahagian besar penyelesaiannya terletak di tangan rakyat sendiri. Cuma amat mudah mengatakan ini berada di tangan rakyat. Soalnya – rakyat macam mana sedangkan rakyat itu sendiri berlapis-lapis kedudukannya dengan latar belakang kehidupan yang berlainan pula. Lantaran itulah kita yang berada di dewan seminar ini harus memainkan

peranan sederhana sambil berbuat sesuatu daripada segi penerangan, pelajaran dan mengamalkan sikap objektif bukan subjektif.

Apakah benar dakwaan mencuri seni dan budaya orang? Atau sengaja hal-hal ini ditimbulkan akibat 'tong-tong' politik sudah kosong bagi pihak-pihak tertentu? Kenapa semenjak merebak dan meluasnya penggunaan media sosial dalam internet tampak semacam rakyat kita sudah kelam kabut? Ke mana perginya silaturrahim kita yang wujud berkurun-kurun lamanya? Apakah randai dan salueng hanya wajar dimiliki oleh *urang awak* di tanah Minang? Apakah orang Mandailing di Malaysia yang telah menetap di seberang sana beratus tahun tidak berhak mengamalkan tarian *tor tor* serta *gondang sambilan*? Apakah sekian juta rakyat Indonesia yang telah jadi warga negara dan penduduk tetap di Malaysia atau yang sedang cari makan di sana tidak relevan langsung dalam menentukan hak seni, hak budaya dan hak-hak lainnya dalam pengertian budaya *merantau*? Apakah kata-kata kesat terhadap Malaysia itu gambaran sejagat di Indonesia atau hanya kata-kata dan reaksi sekelumit manusia yang suntuk akal? Apakah ini yang diajarkan agama suci kita? Apakah hak budaya kemanusiaan yang terasas kepada migrasi sempadan? Soalan-soalan ini antara lain perlu dijawab dan dihuraikan semoga generasi mendatang tidak keliru dan tidak terjerumus ke *ngarai* bahaya.

## Sawahlunto

Dalam perkembangan beginilah kita berada di Sawahlunto pada hari ini. Sawahlunto yang indah, wilayah batu arang dan gunung-ganang yang penuh dengan penceritaan lama di samping kandungan warisannya yang unik pada hari ini punya detik peranan yang nanti mencatat sejarah. Dengar khabarnya Sawahlunto yang diberitakan internet menghuraikan bahawa nama asalnya tidak berapa diketahui secara persis. Mungkin lantaran perkataan "alun tau" pada zaman silam kemudian dicituskan sahaja dengan termalunto. Ikut apapun inilah sebahagian tanah Minang yang sarat perhitungan budaya dan sejarah. Saya sebagai seorang anak perantau yang ibu bapanya berasal dari Palupueh, Bukit Tinggi, merasakan pada hari ini saya balik ke kampung halaman.

## Sejarah

Memang lantaran kasih sayanglah kita bertemu pada hari ini di Sawahlunto. Atas nama kasih sayanglah kita membincangkan tentang tamadun Nusantara yang berpaksikan budaya dan Islam. Sesungguhnya sejarahlah yang menentukan aluran kehidupan dan tamadun kita di dunia ini. Bagaimana Islam bangkit daripada cerna-an pelbagai peristiwa selepas Hinduisme dan Budhisme menjelma dan merebak di dunia sebelah sini – dari Langkasuka ke Jawa, dari Palembang ke Perlak di mana Islam mula-mula disebarkan pada TM1243 melalui saudagar Islam dari Timur Tengah dan India. Memang diakui bahawa tamadun kita di Nusantara atau kepulauan Melayu didahului Hinduisme dan Budhisme.

George Coedes seorang sarjana Perancis telah banyak menceritakan hal ini di dalam bukunya *The Indianised South East Asian States*. Coedes menceritakan bagaimana pengaruh Hinduisme dan Budhisme menjelmakan bahasa Sanskrit serta tulisan Malayu-Kuno dalam usaha mengenal zaman silam yang diwarnai *rajo* demi *rajo*, termasuk Rajo Nan Tigo Selo yang pada zaman Pagar Ruyung sempat menghantar Raja Melewar ke Negeri Sembilan, wilayah rantau Minangkabau paling ulung dan bererti besar. Orang Minang yang ke *Kolang* (Kelang) dan Melaka lantas berdagang dan mendirikan rumahtangga di perantauan. Dari Melaka mereka ke Rembau, Sungai Ujung, Seri Menanti, Johol dan Jelebu. Tahun 1773 diteraskan sebagai mulanya *Rajo dari Nagari ranah Minang*. Mula-mulanya mereka ke Rembau dalam abad ke-14. Memang benar, di Negeri Sembilan luak Rembaulah yang terawal menerima kunjungan *urang awak* (panggilan bagi orang Minang) sehingga ada sumber legenda yang menceritakan bahawa nama asal Rembau ialah Rambau lantaran pandekar Sutan Malenggang *tarambau* atau terjatuh di kawasan rumput sarut di Kampung Penajis sekarang. Tentang Jelebu pula, yakni daerah saya sendiri, kawasan itu pada awalnya dinamakan *hujung Labu* (hujung Labu) kerana menurut legendanya labu yang begitu panjang akar lilitannya menjalar hingga ke Jelebu sekarang. Dengan lestari nama tempatan itu tampaklah bahawa migrasi Minang-Negeri Sembilan melalui Melaka mencipta sejarah perantauan yang unik.

## Tulisan

Tulisan batu bersurat Kedukan Bukit<sup>4</sup> ditemui di tepi Sungai Tatang, Sumatera Selatan pada 1920. Skrip Sanskrit yang bercampur-aduk dengan Malayu-kuno menjelaskan titik keturunan raja silam. Raja Minangkabau Aditiavarman juga dihuraikan dengan bahasa Palavi (campuran Sanskrit dan Malayu kuno). Menurut kajian sarjana, pengembara Tionghua bernama I-Tsing yang tinggal selama enam bulan di kawasan yang kini bernama Palembang pada tahun 671 Masihi banyak mencatatkan perihal kawasan Selatan Sumatera serta kepulauan dan negeri-negeri Melayu. Beliau memberi huraian peribadinya dengan jelas. I-Tsing menamakan kawasan kepulauan Melayu atau apa yang dikenali secara umum sebagai *Nusantara* pada masa ini sebagai kawasan *Moloyu*. Beliau memberi sebutan khas terhadap beberapa negeri seperti Kilantan, Pa Hang, Pah Li-mang dan lain-lain. Bagi kita istilah penanda yang digunapakai I-Tsing sebagai penting ialah *Moloyu* (Melayu). Sekali gus perkataan atau istilah ini memaparkan bahawa bangsa Melayu yang di bawahnya terkandung pelbagai kaum atau suku bangsa adalah warga dan wilayah terbesar di Tenggara Asia.

## Adat Selepas Perang Padri

Sejarah yang berasaskan penyelidikan empirika, menyatakan bahawa Melaka yang dirajai pada tahun 1404 oleh Parameswara menerima pelbagai etnik dan suku kaum Melayu yang datang berniaga atau atas nama pengembaraan. Pengaruh Islam di Minangkabau hanya diperakukan selepas kemuncak Perang Paderi sekitar 1823-1828. Sebelumnya ranah Minang dikuasai secara menyeluruh oleh adat Perpatih (Parapatieh) dan adat Temenggung (Katamungguangan). Perpatih terasas kepada cara hidup rakyat biasa yang mengiktiraf sistem matriline. *Ibu Kandueng* yang dilazimkan di dalam legenda *Chindue Mato* dan *Rambun Pamenan* adalah simbolik keibuan dan keturunan seseorang dalam keluarga ditentukan oleh aluran persukuan ibunya. Bapa hanya sebagai bako (baka). Datuek Perpatih mengasaskan anak buah lebih daripada anak sendiri lalu terbit pantun perbilang:

---

<sup>4</sup> Ditemui oleh M. Batenburg pada 20 November 1920 di tepi Sungai Tatang, Kedukan Bukit yang mengalir ke Sungai Musi, Sumatera Selatan.

*Kelok paku kacang balimbieng  
Batang maman banyak di tanjueng  
Anak dipangku kamanakan dibimbieng  
Barulah aman hiduik di kampueng*

Legenda Datuek Perpatih Nan Sabatang dan kekanda sebahanya Datuek Tamangueng diceritakan dari mulut ke mulut melalui banyak generasi sebelum Islam. Penulisan semula legenda ini hanya selepas skrip Jawi dipelajari melalui pengaruh Islam di Minangkabau. Berbeza dengan orang Batak yang mempunyai tulisan rencongnya lama sebelum Islam mendatang dan mewujudkan masyarakat Mandahiling yang rata-rata Muslim.

Apa yang dikenali di Negeri Sembilan sebagai mengamalkan adat Perpatih adalah terbitan legenda dan sosio-budaya dari Minangkabau. Pada suatu masa dalam riwayat Datuek Parapatieh Nan Sabatang, kapal layar yang dibina di tepian pesisir tidak dapat diumpir atau diganjakkan untuk dilancarkan ke laut. Perpatih bermimpi bahawa hanya melalui suatu pengorbanan jiwa baharulah kapal itu boleh dilayarkan. Dengan hati yang gusar kepala masyarakat itu mengumumkan perihal itu kepada orang ramai. Tiada seorang pun yang rela menjadi bahan korban kecuali seorang anak buahnya. Sebaik sahaja anak buahnya itu menanggalkan dasar di kepalanya, kapal itu meluncur ke air. Semenjak itulah Perpatih berpegang teguh kepada pertalian *mamak* dan *kamanakan* yang intim. Walau bagaimanapun di Negeri Sembilan pertalian khas bapa saudara-anak buah ini tidak diamalkan. Malah institusi *mamak* atau bapa saudara tidak melekat sebagai pangkat kekeluargaan istimewa seperti di Minangkabau.

Daripada sudut lain pula, Urang Basa Ampek Minangkabau purba yang telah diubahsuai selepas pemelukan agama Islam adalah seperti berikut:

Datue' Bandaharo Sungai Taro',  
Tuan Kali Padang Gantieng,  
Datue' Mangkudun di Sumanie' dan  
Datue' Indomo

Mereka yang berempat ini menjalankan tugas masing-masing semacam menteri atau penghulu besar dalam bidang tugas dan jabatan masing-masing. Khidmat mereka sebagai ketua adat dan masyarakat masing-

masing banyak dihuraikan oleh pengkaji Belanda termasuk Josselin de Jong<sup>5</sup>(1980) dan sebelumnya - Westenenk<sup>6</sup> pada tahun 1915. Kedudukan dan bidang tugas keempat-empat orang besar ini amat mirip Dato' Undang Yang Empat di Negeri Sembilan (Sg. Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau) yakni empat luak berUndang<sup>7</sup>. Cuma kajian mendalam daripada hal bidang kuasa masing-masing masih belum berada di tahap muktamad lantaran pengaruh dan kemaraan pentadbiran moden di wilayah rnah Minang. Kedudukan Dato'-Dato' Undang dan Tengku Besar Tampin di Negeri Sembilan, misalnya, berjaya merentasi zaman dan akhirnya diiktiraf di bawah beberapa peruntukan Perlembagaan (Undang-undang Tubuh) Negeri Sembilan 1948 dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia masa kini. Sebaliknya kedudukan Urang Basa Nan Ampek di Minangkabau itu dilaruti zaman dan tidak beroleh pengiktirafan perundangan di Sumatra Barat.

Melalui transmigrasi etnik, khasnya semenjak Melaka menjadi pusat dagang di Semenanjung Tanah Melayu, pelbagai unsur kehidupan muncul dan diamalkan mengikut kecenderungan sosial masing-masing. Orang Bugis, Aceh, Minangkabau, Jawa dan lain-lain mengambil kesempatan, melalui dagangan dan gaulan sosial, untuk meneruskan kehidupan masing-masing secara masyarakat yang mereka tinggalkan di kampung halaman masing-masing. Cara bercucuk-tanam masyarakat Jawa, cara berniaga orang Minang), kaedah mempengaruhi laluan di lautan oleh orang Bugis serta lain-lain cara hidup terus berjalan rancak. Begitu juga penerusan seni dan budaya masing-masing yang meneruskan silat, randai, kuda kepang, tenunan, ukiran dan lain-lain. Cara memasak makanan dan mengatur kehidupan di kampung pun mirip budaya lama mereka yang diamalkan di kampung halaman asal mereka. Dalam konteks inilah harus dipegang dan diiktiraf amalan hidup di perantauan di seluruh kawasan Nusantara. Tidak

---

<sup>5</sup> P.E. de Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia*, Martinus Nijhoff, 1980. Mengenai Urang Basar Nan Ampek (Bandaro di Sungai Tarok, Tuan Kali di Padang Gantieng, Mangkudun di Sumaniek, Indomo di Suruaso m. 14.

<sup>6</sup> L.C. Westenenk, *De Minangkabause Nagari*, Batavia 1915.

<sup>7</sup> Terma Undang bagi 4 Luak tersebut boleh dimengertikan sebagai pemerintah adat yang dilantik melalui prose's tradisional oleh Dato' Lembaga (biasanya delapan orang) mengikut peraturan giliran yang disetujui kumpulan anak buah atau ibu bapa di dalam perut (lineage) dan seka (sako) masing-masing.

harus timbul persoalan puak-puak tertentu yang kononnya meniru atau menceduk seni budaya dari mana-mana wilayah di Nusantara. Hak budaya masyarakat perantau harus diiktiraf sebagaimana ia diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Sama sesebuah negara itu mengiktiraf atau tidak *Convention on Cultural and Political Rights* tidak menjadi isu kerana pengertian kemanusiaannya tetap utuh dalam pengertian bahawa manusia itu merantau dan migrasi di antara satu wilayah ke wilayah yang lain.

## **Kenusantaraan Melalui Islam dan Budaya**

Suatu perkembangan yang menarik ialah Indonesia dan Malaysia mengalami perkembangan dan pengaruh Islam yang boleh dikatakan mengikut kelompok dan zamannya. Sementara Melaka menerima Islam sekitar tahun 1410 semasa Parameswara menjadi raja, Perlak di Aceh menerima Islam sekitar tahun 1243. Jika Batu Bersurat Terengganu diambil kira, Islam menembusi negeri itu pada 1342 atau sekitarnya. Sekalipun para sarjana masih meneliti beberapa aspek fakta ini daripada punca-punca dan rekod terhasil, jelaslah bahawa Islam membawa notasi kenusantaraan yang amat kuat pengaruhnya. Oleh kerana nisbah hukum atau aspek-aspek hukum di dalam Islam kuat dan tepat, pengertian persaudaraan *ukhuwah Islamiah* mudah wujud dan dipatuhi. Apatah lagi, lantaran sandaran kepada pengertian keMelayuan itu sedia tebal melalui bahasa dan ciri-ciri budaya lainnya maka sekali gus konsep nusantara itu amat mudah diterima dan diamalkan. Cuma agak disedihkan kerana banyak pihak kini mengeneppikan soal dan tuntutan ukhuwah ini apabila diseranah tuntutan politik demi hendak berkuasa di kawasan siasah masing-masing.

Islam mungkin menjadi tali paling intim, berkesan dan kekal dalam usaha mencari jalan bagaimana hubungan rakyat dengan rakyat harus diperjuangkan melalui kehidupan kita. Ia merupakan satu kesamaan, kejituan dan penjiwaan yang paling kekal untuk mengeratkan terus menerus hubungan kemanusiaan. Sekalipun mazhab pernah dipersoalkan sebagai elemen perbezaan amalan, namun Islam tetap mengiktiraf prinsip-prinsip persaudaraan dalam Islam.

Saya teringat akan pesanan Bapak Hamka semasa berceramah di Seri Menanti, Negeri Sembilan, sekitar tahun 1980 semasa saya berkhidmat sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan: Beliau berkata, "Manakala lain-lain jurusan sosial menjadi lemah atau ditinggalkan, Islam tetap akan menjadi

tali hubungan yang paling kekal dan erat antara sesama kita.” Manakala kita memang mengiktiraf kata-kata pujangga itu, saya masih meyakini bahawa talian sejarah, seni budaya, bahasa dan ekonomi juga tidak akan luput sebagai elemen-elemen penentu kepada hubungan rakyat kedua-dua negara. Usaha kita buat masa depan ialah menyemarakkan rangkaian ini sehingga berjaya menjadi titian muhibah yang kekal.

## Rumusan

- Segala usaha peningkatan hubungan rakyat dengan rakyat di antara Malaysia dan Indonesia amat perlu diperjuangkan demi kelangsungan suatu tamadun tinggi kenusantaraan.
- Badan-badan bukan Kerajaan atau NGO seni budaya, bahasa dan penulisan, penyiaran dan lain-lain harus diberi ruang untuk bercambah dan mewujudkan program serta aktiviti yang berasaskan elemen bangsa serumpun.
- Pemupukan percambahan bahasa Nusantara melalui jawatankuasa istilah, penulisan kreatif, perfileman, penerbitan dan lain-lain harus diberi keutamaan.
- Melibatkan pengajaran dan asuhan betapa pentingnya persamaan sejarah, cara hidup atau budaya kedua-dua golongan rakyat Malaysia-Indonesia dilangsungkan dalam pemahaman sejarah dan keintiman kedua-dua bangsa.
- Mengambil langkah-langkah utama bagaimana generasi muda wajar diberi serlahan sejarah dan realiti kejituan masyarakat bersama lantas mengadakan program-program berskala di samping meminimalkan kesan negatif luaran yang cuba melemahkan kesan dan pengaruh budaya tempatan.
- Bekerjasama dalam arena serantau seperti *ASEAN Cultural Programme* bagaimana Malaysia-Indonesia bergabung tenaga mewujudkan *research* atau penyelidikan ilmiah dan praktis dalam dunia seni budaya, bahasa dan penyiaran sebagai medium mengintimkan rakyat kedua-dua negara.
- Meneruskan kerjasama dan persefahaman institusi-institusi pengajian tinggi kedua-dua negara dalam penyelidikan dan program-program kepentingan bersama.

Pepatah ada berkata “air dicencang tak akan putus”. Tetapi air yang di lubuk jika tidak dialirkan akan tertinggal sebagai lubuk tanpa keupayaan perairan yang besar. Mari kita jadikan elemen-elemen kesamaan kita sebagai benteng kekuatan, bukan sebagai elemen-elemen yang membawa kepada kelemahan.

**Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim**

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia



# Data Arkeologi Tentang Evolusi Bangsa dan Peradaban Melayu<sup>1</sup>


NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN<sup>2</sup>

Melayu dalam konteks pembicaraan saya pada hari ini berasaskan etno-linguistik. Bukan seperti yang didefinisikan oleh Perlembagaan Malaysia iaitu seseorang itu Melayu sekiranya dia bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan ada istiadat Melayu dan beragama Islam. Agama Islam menjadi penentu utama dan mendefinisikan seseorang itu Melayu atau tidak. Ia berbeza dengan Orang Asli dan bumiputera lain di Malaysia. Namun Melayu yang saya maksudkan termasuk Orang Asli dan bumiputera lain di Malaysia. Maka definisi yang lebih luas berasaskan kepada etno-linguistik tadi merangkumi seluruh penduduk di alam Melayu, kecuali orang yang berasal dari benua lain, iaitu benua India, benua China dan dunia Arab dan lain-lain. Bahasa yang menyatukan mereka ialah bahasa Proto Melayu, iaitu Astronesia/Melayu Polinesia.


Dunia Melayu yang saya maksudkan tersebar dari Madagaskar ke Semenanjung Tanah Melayu termasuk Andaman, Sumatera, Jawa, Filipina sampai ke Papua New Guinea, Australia dan New Zealand ke kepulauan Pasifik dan ke utara sampai ke Hainan dan Taiwan.

- 
- 1 Kertas kerja ini telah dibentangkan di Konvensyen Asal Usul Melayu: Induknya di Alam Melayu pada 20 Januari 2012 di Dewan Merdeka PWTC.
  - 2 Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman berkhidmat di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## 2 / Gagasan Melayu Serumpun



Bukti arkeologi bahawa orang Melayu telah menghuni dunia Melayu semenjak lebih daripada 40,000 tahun, iaitu mulai daripada zaman Paleolitik Akhir.



Oleh sebab saya bukan penganut teori Evolusi Charles Darwin, saya tidak akan ambil kira penemuan sensasi seperti penemuan di Bukit Luruh, Lenggong, Perak, sekitar 1.83 juta tahun. Saya juga akan mengeneipkan penemuan

tengkorak Homo Erectus di Jawa seperti di Solo dan lain-lain. Ini kerana belum ada bukti menunjukkan manusia berevolusi daripada makhluk sedemikian dan khususnya dari Orang Utan dan Beruk. Saya percaya manusia berasal daripada Adam dan Hawa. Saya tidak menerima tarikh 4,000 sebelum Nabi Isa a.s. seperti kata Bishop Ussker dan Light Foot sebagai permulaan Adam dan Hawa. Saya terima konsep kepurbakalaan manusia (*Antiquity of man*). Saya juga menolak teori Heine Geldern dan pengikutnya seperti Van Heekeren (1957), Sorensen (1963), Roger Duff (1970), M.F. Tweedie (1953), Sieveking (1954), Winstedt (1947), Paul Wheatley (1966), Peter Bellwood (1985) dan lain-lain pengikutnya.

Di bawah ini dipaparkan pendapat Paul Wheatley sebagai mewakili kumpulan ini tentang asal usul orang Melayu berkata (1966):

'Begitu juga dengan yang mengganti tempat mereka yang merayau di Semenanjung dari Millenium ke-9 sehingga ke-3 sebelum Masihi meninggal kesan yang kekal di dalam negeri. Mereka itu orang Melanesoid, penghuni gua batu kapur, terhad di kawasan tengah dan utara Semenanjung. Di dalam kawasan ini setiap gua dan batu perlindungan yang saiznya cukup untuk digunakan sebagai kediaman dan jauh dari banjir kini terbukti sebagai kediaman masyarakat Mesolitik – mereka itu berevolusi daripada kehidupan memungut hasil hutan kepada pemburu yang mahir.

Serangan pertama terhadap hutan, walaupun terhad, dibuat oleh kumpulan penanam pertama yang masuk ke Semenanjung, nenek moyang kepada orang Melayu dan Indonesia yang masuk secara perlahan di utara pada 2,500 ke 1,500 S.M. beberapa abad sebelum Masihi – mereka itu, atau imigran yang kemudian telah tahu menggunakan alat daripada logam.

Berdasarkan pendapat Paul Wheatley, dapat disimpulkan bahawa migrasi manusia dari utara (China) ke selatan. Dua laluan penyebaran yang disarankan oleh mereka: i) China ke Taiwan, Filipina, Borneo, Polinesia dan Indonesia. ii) China ke Vietnam, Laos, Kemboja, Tanah Melayu dan Sumatera.

Zamanya berlaku migrasi ini ialah dalam zaman Batu Baru (Neolitik). Pertama daripada segi logik, benarkah perkara ini boleh berlaku. Kedua daripada segi bukti arkeologi dan geologi.

# GAGASAN MELAYU SERUMPUN

Konsep dan pengertian Melayu sebagai satu kelompok manusia yang terdapat di dunia ini mendapat tafsiran dan analisis yang berbeza-beza. Buku ini berjaya menghimpunkan tiga belas sarjana dan penyelidik daripada rantau Rumpun Melayu untuk membuat penjelasan dan tafsiran tentang Melayu yang berada di sekitar Rumpun Melayu dan di luar Rumpun Melayu yang kita kenali sebagai dunia Melayu. Melayu sebagai satu rumpun bangsa yang besar mempunyai warisan peradaban dikenali sebagai peradaban Melayu yang terdiri pelbagai suku atau etnik. Bahasa Melayu menjadi penghantar utama manakala Islam menjadi unsur penting dan warisan budaya pelbagai etnik tetap diamalkan. Buku ini sesuai dibaca oleh penuntut dan sarjana serta pewaris bangsa Melayu yang ingin mengenali dan mengetahui asal usul bangsa dan peradaban Melayu di dunia ini yang dihasilkan oleh sarjana dan penyelidik daripada Rumpun Melayu khusus dunia Melayu.



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اينستيتوت قنڤديوقن سلطان ايدريس

اينستيتوت قنڤديوقن سلطان ايدريس

INSTITUT PERADABAN MELAYU

*Institute of Malay Civilization*

Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.  
Tel : 05-4584142 | Faks : 05-4595314

ISBN 978-983-416-811-7



9 789834 168117



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA